

TARIKH	3 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	10	RUANGAN	Mahkamah

Tambang haji kekal RM9,980

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN - Kos menunaikan haji tahun ini kekal pada kadar RM9,980 seorang bagi jemaah kali pertama walaupun kos sebenarnya meningkat kepada RM15,555.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, bagi menampung kos itu, Lembaga Tabung Haji (LTH) melalui kerajaan memperuntukkan lebih RM150 juta untuk memastikan kos tersebut kekal dan tidak membebankan bakal jemaah.

"Setiap tahun, kos terutama untuk tambang penerbangan, penginapan, makanan dan sebagainya akan meningkat menyebabkan Tabung Haji terpaksa cari jalan untuk menyerap kenaikan kos itu supaya tidak terlalu melebihi kemampuan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas merasmikan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-29, di sini, semalam.

Jamil Khir berkata, LTH juga

akan mengumumkan bonus dan dividen yang bakal diterima pendeposit pada 7 Februari depan (Khamis).

"Sekarang jumlah dana diuruskan Tabung Haji berjumlah RM35 bilion membabitkan seramai 8.2 juta pendeposit," katanya.

Beliau berkata, kuota haji pada tahun ini juga kekal pada 28,000 jemaah, bagaimanapun kerajaan sedang berbincang dengan Kerajaan Arab Saudi untuk menambah kuota tahun ini.

"Sekarang, senarai menunggu melebihi 1 juta menyebabkan ada terpaksa menunggu hingga 30 tahun.

"Kita berikan keutamaan kepada bakal haji berusia 75 tahun ke atas yang kini seramai 12,000 dalam senarai menunggu. Bagaimanapun, peluang itu diberikan secara berperingkat di mana tahun lalu, seramai 4,000 warga emas yang layak berlepas ke tanah suci," katanya.

Beliau turut menasihati bakal haji supaya mengikuti kursus melalui 360 pembimbing di seluruh negara.



Jamil Khir (kanan) menunjukkan buku panduan ibadat haji, umrah dan ziarah dalam versi bahasa Inggeris kepada perwakilan asing.